

GARIS PANDUAN PELEPASAN BARANGAN YANG DIBAWA MASUK SEMULA DARI PELABUHAN KASTAM ATAU PELABUHAN ZON BEBAS

1. Pendahuluan

- 1.1. Barang yang berada di dalam Pelabuhan Kastam atau Pelabuhan Zon Bebas yang tidak dapat dieksport ke luar negara atau tidak dapat diangkut dari satu wilayah ke satu wilayah lain atau dalam wilayah yang sama, termasuk Pulau Bebas Cukai (PBC) akan menyebabkan barangan terpaksa dibawa masuk semula ke Kawasan Utama Kastam (KUK) atau PBC.
- 1.2. Antara punca keadaan ini berlaku adalah disebabkan oleh:
 - 1.2.1 Pesanan telah dibatalkan;
 - 1.2.2 Kerosakan pada kontena atau barangan;
 - 1.2.3 Tertinggal kapal;
 - 1.2.4 Punca-punca lain yang munasabah kecuali melibatkan kes-kes penguatkuasaan.

2. Tujuan

Memberi garis panduan yang seragam mengenai prosedur pelepasan bagi barangan yang dibawa masuk semula dari Pelabuhan Kastam atau Pelabuhan Zon Bebas ke Kawasan Utama Kastam (KUK) atau PBC.

3. Skop

Garis panduan ini adalah meliputi pengeksportan yang menggunakan Borang Kastam No. 2 (K2) dan pengangkutan barang menggunakan Borang Kastam No. 3 (K3) melalui mod laut atau mod udara.

4. Pelaksanaan

- 4.1. **Prosedur pelepasan bagi barangan yang keluar dari Kawasan Utama Kastam untuk tujuan pengeksportan atau untuk diangkut dari satu wilayah ke satu wilayah lain atau dalam wilayah yang sama, termasuk PBC melalui Pelabuhan Kastam atau Pelabuhan Zon Bebas**

4.1.1. **Barangan yang hendak dieksport dan diangkut keluar dari KUK dan telah diikrar**

4.1.1.1. Syarikat/ pemilik perlu mengemukakan dokumen-dokumen yang diperlukan kepada Ketua Cawangan/ Seksyen/ Unit di Pelabuhan seperti berikut:

- a. Surat permohonan daripada syarikat/ pemilik untuk membawa keluar semula dagangan dari Pelabuhan Kastam/ Pelabuhan Zon Bebas ke Kawasan Utama Kastam;
- b. Borang permohonan seperti Format di **Lampiran A** yang telah dilengkapkan (2 salinan);
- c. Invois;
- d. Senarai Pembungkusan;
- e. *Booking Note*;
- f. Lain-lain dokumen yang difikirkan perlu oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM); dan
- g. Borang K2 chit atau K3 chit.

4.1.1.2. Ketua Cawangan/ Seksyen/ Unit di Pelabuhan yang menerima permohonan tersebut akan:

- a. Membuat semakan status borang K2 atau K3 dalam Sistem Maklumat Kastam (SMK);
- b. Memberi arahan pemeriksaan *shipping seal*;
- c. Memberi arahan pemeriksaan fizikal atau arahan imbasan sekiranya perlu;
- d. Menyemak hasil pemeriksaan serta membandingkan dokumen yang diterima bagi memastikan barangan yang hendak dibawa keluar adalah sama seperti barangan yang tidak dapat dieksport, diangkut atau dihantar ke destinasiya;

- e. Meluluskan permohonan;
- f. Bagi barangan tidak berduti pembatalan borang K2 atau K3 akan dibuat di dalam SMK;
- g. Bagi barangan yang berduti eksport/ ses yang telah dibayar, borang K2/ K3 tidak akan dibatalkan, bagi tujuan tuntutan pembayaran balik oleh pengeksport;
- h. Satu salinan format kelulusan perlu diserahkan kepada pihak pengeksport/ ejen kastam untuk tujuan pelepasan barangan atau dagangan di pintu kawalan; dan
- i. Pegawai di pintu keluar masuk (*gate*) akan membuat semakan di dalam SMK sebelum kebenaran pelepasan barangan.

4.1.2. Barangan yang hendak dibawa keluar tetapi belum diikrar

- 4.1.2.1. Syarikat/ pemilik perlu mengemukakan dokumen-dokumen yang diperlukan kepada Ketua Cawangan/ Seksyen/ Unit seperti di para 4.1.1.1 (a) hingga (f).
- 4.1.2.2. Ketua Cawangan/ Seksyen/ Unit / Pegawai Kanan yang menerima permohonan tersebut akan:
 - a. Memberi arahan pemeriksaan *shipping seal*;
 - b. Memberi arahan pemeriksaan fizikal atau arahan imbasan sekiranya perlu;
 - c. Menyemak hasil pemeriksaan serta membandingkan dokumen yang diterima bagi memastikan barangan yang hendak dibawa keluar adalah sama seperti barangan yang tidak dapat dieksport, diangkut atau dihantar ke destinasi;
 - d. Meluluskan permohonan;
 - e. Satu salinan format kelulusan perlu diserahkan kepada pihak pengeksport/ ejen kastam untuk

tujuan pelepasan barangan atau dagangan di pintu kawalan; dan

- f. Pegawai di pintu keluar masuk (*gate*) akan membuat semakan di dalam SMK sebelum kebenaran pelepasan barangan.

4.2. Prosedur pelepasan barangan yang telah diikrar melalui Borang K2 dan disimpan di dalam Zon Bebas

- 4.2.1. Barangan yang dibawa masuk ke dalam Zon Bebas perlu diikrar di dalam borang K2 yang mempunyai alamat penyimpanan di kawasan Zon Bebas;
- 4.2.2. Sekiranya barangan tersebut ini di bawa masuk ke KUK semula atas sebab-sebab yang dinyatakan di para 1.2, Pengeksport/ ejen kastam hendaklah menyertakan dokumen-dokumen yang dinyatakan di para 4.1.1.1 bersama-sama dengan pengikraran Borang Kastam No.1 (K1) beserta butiran Perintah Duti Kastam (Pengecualian) dan Perintah Cukai Jualan (Orang yang dikecualikan dari pembayaran cukai) yang berkaitan sekiranya layak.
- 4.2.3. Sekiranya barangan tersebut tertakluk kepada Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import) 2017, permit hendaklah disertakan.
- 4.2.4. Borang K2 yang telah diikrarkan tidak boleh dibatalkan.
- 4.2.5. Ketua Cawangan/ Seksyen/ Unit/ Pegawai Kanan yang dipertanggungjawabkan akan mengambil tindakan seperti berikut:
 - a. Membuat semakan status borang K2 atau K3 dalam Sistem Maklumat Kastam (SMK);
 - b. Memberi arahan pemeriksaan shipping seal;
 - c. Memberi arahan pemeriksaan fizikal atau arahan imbasan sekiranya perlu;
 - d. Menyemak hasil pemeriksaan serta membandingkan dokumen yang diterima bagi memastikan barangan yang hendak dibawa keluar adalah sama seperti

barangan yang tidak dapat diekspor, diangkut atau dihantar ke destinasi;

- e. Meluluskan permohonan;
- f. Satu salinan format kelulusan perlu diserahkan kepada pihak pengeksport/ ejen kastam untuk tujuan pelepasan barangan atau dagangan di pintu kawalan; dan
- g. Pegawai di pintu keluar masuk (gate) akan membuat semakan di dalam SMK sebelum kebenaran pelepasan barangan.

4.3. **Prosedur pelepasan barangan yang menggunakan kemudahan Seksyen 87A Akta Kastam 1967**

- 4.3.1. Barangan yang dibawa masuk ke dalam Zon Bebas atau Pelabuhan Kastam yang menggunakan kemudahan Seksyen 87A Akta kastam 1967 perlu mengemukakan akuan sementara.
- 4.3.2. Sekiranya barangan yang hendak diekspor dan telah diikrar borang K2 tetapi bawa masuk ke KUK semula atas sebab-sebab yang dinyatakan di para 1.2, prosedur pelepasan di para 4.1.1 hendaklah dipatuhi.
- 4.3.3. Sekiranya barangan yang hendak diekspor tetapi belum diikrar borang K2 dan hendak dibawa masuk ke KUK semula atas sebab-sebab yang dinyatakan di para 1.2, prosedur pelepasan di para 4.1.2 hendaklah dipatuhi.

- 5. Adalah dimaklumkan bahawa Surat Pekeliling ini adalah **TIDAK TERPAKAI DI PORT KLANG FREE ZONE (PKFZ)** disebabkan statusnya adalah hanya sebagai *extension port* sahaja.
- 6. Adalah menjadi harapan, Garis Panduan ini dapat mengatasi masalah yang dihadapi oleh pihak industri dan juga Jabatan dalam operasi berkaitan import dan eksport.

Sekian, terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

**BAHAGIAN PERKASTAMAN
JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA
PUTRAJAYA**

LAMPIRAN A

BORANG PERMOHONAN KELUAR SEMULA DAGANGAN DARI PELABUHAN KASTAM/PELABUHAN ZON BEBAS KE KAWASAN UTAMA KASTAM

No. Rujukan :

Tarikh :

Pengarah Kastam Negeri

1. Nama Syarikat / Alamat :
2. Kod Tarif Dagangan :
3. Keterangan Dagangan :
4. Nilai dan Jumlah Kuantiti :
5. No. Kontena / Lori :
6. Nyatakan samada Konsaimen :
 - a. Barangan berasal dari Kawasan Utama Kastam
 - b. Belum Diikrar Atau
 - c. Sudah Ikrar :
 - i. No. Daftar Borang K2 / K3 :
 - ii. Tarikh Eksport / Pemindahan :
7. Nama Kapal / Airway Bill :
8. Barangan Larangan /Tidak :
(Nyatakan Butiran di bawah Perintah Kastam (Larangan Mengenai Eksport) 2017 / Perintah Kastam (Larangan Pemindahan) 2018)
9. Nyatakan alasan pembatalan pengeksportan / pemindahan :

Tandatangan & cop syarikat

10. Ulasan Hasil Pemeriksaan:

Tandatangan & No. PiK

11. Ulasan Ketua Cawangan / Unit:

Tandatangan & Cop

Untuk Kegunaan Pejabat

Pemohonan diluluskan / Tidak diluluskan